

# PM puas hati khidmat Express Rail Link

SEPANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad puas hati dengan perkhidmatan Express Rail Link (ERL) yang menghubungkan KL Sentral di ibu negara dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Perdana Menteri berkata, perjalanan tren begitu baik sehingga berjaya mengatasi masa yang dijadualkan dan beliau percaya perjalanan boleh dipercepatkan jika landasan lebih lurus.

"Saya rasa ia sangat baik kerana kita sampai lebih cepat daripada masa yang dijadualkan, iaitu daripada 28 minit kini cuma ambil masa 25 minit," katanya kepada pemberita selepas meninjau perjalanan percubaan ERL dari KL Sentral ke KLIA di sini, semalam.

Dr Mahathir yang ditemani isterinya, Datin Seri Dr Siti Has&h' Mohd Ali, turut mengambil peluang membawa tren berkenaan yang boleh mencecah kelajuan maksimum 160 kilometer sejam.

Ditanya apa ada perkara yang boleh diperbaiki dalam sistem ERL dengan landasan sepanjang 57 kilometer itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak mengesan sebarang kecacatan.

"Saya tidak tahu, ia baik bagi saya. Mereka boleh meneruskan dengannya."

Operasi percubaan bagi ERL yang dikenali sebagai KLIA Express bermula awal bulan ini dan akan diteruskan hingga April. Perkhidmatan percubaan secara percuma akan dijalankan selama dua minggu April depan sebelum perkhidmatan sebenar dimulakan pada 19 April.

Mengenai keluhan pihak tertentu tentang RM35 sehalai untuk perkhidmatan ERL itu adalah tinggi, Dr Mahathir berkata kadar itu adalah murah.

Malah perkhidmatan KLIA Express adalah yang paling murah di dunia bagi perjalanan setiap kilometer untuk perkhidmatan tren dari bandar raya ke lapangan terbang.

"Rakyat Malaysia mahu yang terbaik tanpa mahu membayar apa-apa atau percuma. Anda tidak boleh mendapatkannya secara percuma," katanya.